

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN



Perolehan vaksin COVID-19 tak ikut peraturan

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa akan membentangkan Kertas Putih mengenai perolehan vaksin COVID-19 dari kos berkaitan yang dipercayai sebahagiannya tidak mengikut peraturan dan ditandatangani tanpa persetujuan Jabatan Peguam Negara.



Dua Kertas Putih ke Parlimen

Kerajaan akan membentangkan dua Kertas Putih mengenai perolehan vaksin COVID-19 yang dipercayai dibuat tidak mengikut peraturan dan isu tidak berkesudahan babitkan Batu Putih pada persidangan Parlimen akan datang.

Oleh Rafidah Mat Ruzki
→ Nasional 3

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Isu perolehan vaksin, kos

KKM bentang Kertas Putih di Parlimen

Menteri Kesihatan kesan wujud ketirisan, dipercayai tak melalui peraturan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan membentangkan Kertas Putih perolehan vaksin dan kos berkaitan, yang sebahagiannya dipercayai tidak mengikut peraturan dan ditandatangani tanpa persetujuan Jabatan Peguam Negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika memaklumkan demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di sini, semalam, berkata Kertas Putih berkenaan akan dibentangkan di Parlimen pada persidangan akan datang.

"KKM akan bentang Kertas Putih mengenai perolehan vaksin dan kos yang berkaitan, sebahagiannya tidak mengikut peraturan dan ditandatangani menteri tanpa persetujuan Peguam Negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa akan memperincikan perkara terbabit apabila Kertas Putih berkenaan dibentangkan nanti.

"Kertas Putih ini akan dibentangkan kerana pada peringkat



awal, dikesan terdapat ketirisan kerana dipercayai tidak melalui peraturan atau proses yang sepatutnya. Perolehan bagi sesetengah vaksin ini amat diragui dari segi jumlah dan kos yang terbabit," katanya.

Perlu beri penjelasan

Tanpa mendedahkan nama bekas menteri yang terbabit, Anwar berkata: "Soal utama bukan siapa menteri, tetapi menteri terbabit perlu jawab dan memberi penjelasan berhubung perkara itu."

Kementerian Kewangan (MoF) sebelum ini menurunkan kuasa kepada KKM serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi memuktamadkan perolehan vaksin di peringkat kementerian masing-masing.

Langkah berkenaan sebahagian usaha untuk memudahkan cara dan menyegerakan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Datuk Seri Dr Adham Baba dan

Khairy Jamaluddin adalah Menteri Kesihatan dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ketika COVID-19 melanda negara bermula 2020 sehingga Pilihan Raya Umum Ke-15 pada November 2022.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan (MoF) pada 2021, ia menurunkan kuasa kepada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi memuktamadkan perolehan vaksin di peringkat kementerian masing-masing.

Kedua-dua kementerian itu juga diberi kelonggaran untuk menguruskan perbelanjaan berhubung pelaksanaan PICK tertakluk kepada siling peruntukan RM5.8 bilion yang diluluskan MoF.

Menteri Kewangan ketika itu, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz turut memberi penjelasan mengenainya kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Nafi dakwaan perolehan vaksin tanpa persetujuan AGC

Kuala Lumpur: Bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin menafikan dakwaan perolehan vaksin COVID-19 dibuat tanpa persetujuan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Beliau berkata, semua perolehan yang dibuat kerajaan ketika

pentadbiran Perikatan Nasional (PN) dibentangkan kepada Kabinet.

"Justeru, AGC akan mengetahui dan memberikan ulasan mereka. Perolehan ditandatangani oleh Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya mene-

rusi jawapan ringkas kepada *New Straits Times* (NST), semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai pembentangan Kertas Putih

oleh KKM berhubung perolehan vaksin dan kos berkaitan, yang sebahagiannya dipercayai tidak mengikut peraturan.

Anwar berkata, perolehan terbabit juga ditandatangani tanpa persetujuan AGC.

Katanya, kertas putih terbabit

akan dibentangkan di Parlimen pada persidangan akan datang oleh Menteriinya, Dr Zaliha Mustafa.

Sementara itu, usaha mendapatkan seorang lagi bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, tidak berhasil.

AKHBAR : HARIAN METTRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Kes demam denggi di negara ini meningkat sebanyak 249 kes atau 13 peratus menjadikan jumlah keseluruhan 2,159 kes berbanding 1,910 pada minggu sebelumnya dengan dua kematian dilaporkan minggu ini.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam satu kenyataan semalam berkata, kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah 11,127 kes berbanding 3,573 kes bagi tempoh sama tahun lalu iaitu peningkatan 7,554 kes atau 211.4 peratus.

"Sebanyak enam kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding sifar kematian bagi tempoh yang sama tahun lalu.

"Sebanyak 82 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 79 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 45 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, 22 lokaliti di Sabah, 13 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Putrajaya dan dua di Pulau Pinang.

"Sementara Survelan chikungunya merekodkan 20 kes pada minggu kelima tahun ini dengan 10 kes dari Kedah, lima dari WPKL dan Putrajaya, masing-masing dua dari Pulau Pinang dan Pahang dan satu kes dari Selangor. Jumlah kumulatif

Kes demam denggi meningkat 13 peratus

kes chikungunya sehingga kini adalah 72 kes," katanya.


Menerusi kenyataan sama, KKM memaklumkan bagi kes survelan zika, sebanyak 225 sampel darah dan satu sampel urin sudah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

"Cuti akhir persekolahan sesi ajaran 2022 akan bermula 17 Februari ini. Pada masa sama, sebahagian pelajar sekolah menengah sedang mengikuti pelajaran secara dalam talian kerana ruangan kelas digunakan bagi ujian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula 30 Ja-

nuari hingga 15 Mac depan.

"Oleh itu, pihak sekolah serta kontraktor pembersihan yang dilantik disarankan untuk melakukan beberapa tindakan bagi mengawal dan menurunkan populasi nyamuk di sekolah semasa cuti sekolah. Gunakan bahan pembunuh jentik-jentik di dalam pam tandas, tangki air dan kolam hiasan," katanya.

Selain itu, pastikan tiada air bertakung di alas pasu, tempat sampah, kon dan mesin penapis air, lupuskan barang lusuh dan hapuskan bekas potensi pembiakan nyamuk Aedes dengan cara berhemah.



Pertemuan berkala kenal pasti punca isu di fasiliti kesihatan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengadakan pertemuan berkala dengan pengarah hospital dan pihak berkepentingan bagi mengenal pasti punca pelbagai isu yang berlaku di fasiliti kesihatan serta mencari penyelesaian.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, KKM juga ketika ini sedang menunggu maklum balas berhubung keberkesanan pelaksanaan beberapa langkah yang dirangka bagi mengatasi masalah di fasiliti berkenaan contohnya kesesakan di Jabatan Kece-

masan.

"Antara perkara pertama kita (KKM) nak buat ialah audit dan kita juga nak melihat keberkesanan beberapa perkara yang kita laksanakan contohnya waktu standard klinik kesihatan.

"Terbaharu contohnya di Hospital Klang (Hospital Tengku Ampuan Rahimah) mereka memastikan yang hadir ke Jabatan Kecemasan hanya pesakit yang betul-betul mengalami kecemasan (sementara) kes bukan kritikal disalurkan kepada klinik.

"Itu langkah yang me-

reka rasa terbaik untuk fasiliti mereka dan ini harus dibuat pertemuan berkala, pemantauan, kemudian tengok kesannya," katanya semalam.

Dr Zaliha berkata, KKM juga sudah menghantar beberapa pegawainya untuk turun ke lapangan bagi mengenal pasti situasi sebenar yang berlaku di hospital dan klinik kesihatan.

"Semua ini (maklum balas) akan dikumpulkan dan kita akan lihat apakah cara yang terbaik untuk mengatasi masalah berkaitan isu ini," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

SKANDAL BELI VAKSIN?

- Kementerian Kesihatan dijangka membentangkan kertas putih mengenai perolehan vaksin Covid-19 bernilai lebih RM5.8 bilion oleh pentadbiran sebelum ini pada sidang Parlimen akan datang setelah mendapati urusan pembelian dibuat tidak mengikut peraturan.
- Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu siasatan pihaknya mengesan beberapa angka dan urus niaga yang boleh dipersoalkan termasuk perolehan oleh menteri berkenaan ketika itu yang dilakukan tanpa persetujuan Peguam Negara.
- Bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar bagaimanapun menegaskan semua keputusan perolehan vaksin Covid-19 mendapat punca kuasa jemaah menteri dan kelulusan Kementerian Kewangan selain telah disiasat oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) pada tahun 2021.



Ikuti laporan wartawan Sinar Harian : TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN, MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID dan ROSKHOIRAH YAHYA di muka 2

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Beli tanpa persetujuan Peguam Negara

KKM bakal banting kertas putih di Parlimen dedah kepincangan perolehan vaksin Covid-19

PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan perolehan vaksin Covid-19 dan kos yang dimuktamadkan sebelum ini tidak mematuhi peraturan. Menurutnya, perolehan bagi vaksin itu telah ditandatangani oleh Menteri Kesihatan tanpa mendapat persetujuan daripada Peguam Negara.

Susulan itu, kertas putih berkaitan perkara itu dijangka dibentangkan pada persidangan Parlimen akan datang. Dalam sidang media selepas

mempengerusikan mesyuarat kabinet di sini pada Rabu, Anwar berkata, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa akan memperincikan perkara tersebut apabila kertas putih berkenaan dibentangkan nanti.

Menurutnya, perolehan sesetengah vaksin diragui dari segi jumlah dan kos terlibat.

"Kertas putih ini akan dibentangkan kerana pada peringkat awal dikesan terdapat ketirisan oleh menteri," katanya.

Ditanya mengenai siapakah Menteri Kesihatan yang

terlibat dengan perolehan vaksin tersebut, Anwar tidak menamakannya.

"Ini bukan soal menteri mana tetapi menteri-menteri terlibat perlu jawab dan memberi penjelasan," kata beliau.



DR ZALIHA



DR ADHAM

Pada 28 Julai 2021, Kementerian Kewangan (MOF) menurunkan kuasa kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi memuktamadkan perolehan vaksin di peringkat kementerian masing-masing.

Langkah tersebut adalah sebahagian daripada usaha untuk memudah cara dan menyegerakan pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Selain itu, MOF turut meningkatkan peruntukan bagi perolehan vaksin dan PICK daripada RM3 bilion iaitu komitmen yang diumumkan pada hujung tahun 2020 kepada RM5.8 bilion seperti diumumkan melalui Pakej Pemulihan pada bulan Jun 2021. Sebelum itu pada Januari 2021, Jawatankuasa Kira-Kira



Anwar (kanan) pada sidang akhbar di Putrajaya pada Rabu.

Wang Negara (PAC) berpuas hati dengan keterangan serta penjelasan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan KKM mengenai perolehan serta penggunaan vaksin Covid-19.

Pengerusinya, Wong Kah Woh berkata, penjelasan tersebut dibuat dalam prosiding PAC mengenai vaksin Covid-19 yang dihadiri oleh Menteri MOSTI ketika itu, Khairy Jamaluddin Abu Bakar; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham

Baba; dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah di bangunan Parlimen.

Sesetengah pihak mengkritik kerana menganggapnya terlalu mahal berbanding kos yang dibelanjakan negara luar.

Malaysia memperoleh beberapa jenis vaksin Covid-19 daripada pelbagai sumber termasuk Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac untuk kegunaan 85 peratus daripada 32 juta rakyat Malaysia.

Perolehan vaksin Covid-19 ikut prosedur - KJ

SHAH ALAM - Bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menegaskan semua keputusan perolehan vaksin Covid-19 mendapat punca kuasa jemaah menteri dan kelulusan Kementerian Kewangan.

Beliau berkata, ia turut mengambil kira pandangan daripada semua agensi.

"Semua keputusan teratur dan mengikut prosedur operasi standard perolehan vaksin Covid-19, bekalan peralatan dan penyedia perkhidmatan berkaitan bagi menangani Covid-19 di Malaysia," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau berkata demikian bagi mengulas



KHAIRY

kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mendedahkan perolehan vaksin Covid-19 dan kos dimuktamadkan sebelum ini tidak mengikut peraturan.

Anwar berkata, perolehan bagi vaksin itu telah ditandatangani oleh Menteri Kesihatan tanpa mendapat persetujuan daripada Peguam Negara.

Khairy dilantik sebagai Menteri Kesihatan pada 30 Ogos 2021 bagi menggantikan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Dalam pada itu, Khairy menambah, isu perolehan vaksin ini juga telah disiasat oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

"Dan ia didapati teratur," ujarnya.

Tubuh jawatankuasa lebih telus

SHAH ALAM - Kerajaan disaran menubuhkan satu jawatankuasa khas siasatan yang telus berhubung perolehan vaksin Covid-19 bermula tahun 2020 yang didakwa tidak mengikut proses sebenar.

Ketua Pasukan Rasuah Busters Perlis, Nor Halmey Hamdah berkata, langkah itu penting bagi membolehkan tindakan tegas diambil sekiranya didapati wujud salah laku.

Bagaimanapun katanya, siasatan tidak harus dilakukan secara tergesa-gesa bagi memastikan dakwaan itu disiasat tanpa menganiaya sesiapa.

"Kita tidak mahu siasatan se-



NOR HALMEY

cara kelim-kabut yang akan menyebabkan berlaku ketidakadilan dalam membuat keputusan.

"Perkara sebegini perlu diteliti dan dilakukan secara cermat. Saya berharap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan barisan kabinet mengambil serius untuk menyelesaikan masalah ini," ujarnya.

Anwar pada Rabu memberitahu kerajaan akan membentangkan kertas putih mengenai perolehan vaksin Covid-19 dan kos berkaitan yang dikesan tidak mengikut peraturan pada sidang Parlimen yang akan berlangsung bermula 13 Februari ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Atasi pembiakan nyamuk di sekolah

Kontraktor pembersihan, sekolah disaran kawal pembiakan nyamuk

KUALA LUMPUR

Pihak sekolah dan kontraktor pembersihan yang telah dilantik disarankan mengambil tindakan mengawal pembiakan nyamuk di sekolah yang berisiko menyebabkan demam denggi, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.



DR NOOR HISHAM

Beliau berkata, ia susulan cuti akhir persekolahan yang akan bermula 17 Februari ini, selain sebahagian pelajar sekolah menengah sedang mengikuti pembelajaran secara dalam talian kerana ruangan kelas digunakan bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula 30 Januari sehingga 15 Mac ini.

Katanya, antara tindakan yang boleh dilakukan ialah meletakkan bahan pembunuh

jentik-jentik di dalam pam tandas, tangki air dan kolam hiasan dan memastikan tiada air bertakung di atas pasu, tempat sampah, kon serta mesin penapis air.

"Lupuskan barang lusuh dan hapuskan bekas potensi pembiakan nyamuk aedes dengan cara berhemah. Lakukan semburan aerosol pada awal pagi sebelum memulakan ujian SPM atau hari pertama sesi pembelajaran.

"Pakai pakaian yang menutup anggota badan dan gunakan bahan repelan nyamuk di anggota badan yang terdedah semasa melakukan aktiviti luar pada waktu puncak gigitan nyamuk aedes iaitu jam 6 hingga 8 pagi dan 6 petang hingga 8 malam," katanya dalam kenyataan di sini pada Rabu.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi kelima (ME5) tahun ini mencatatkan peningkatan 13 peratus iaitu 2,159 kes berbanding 1,910 pada minggu sebelumnya, dengan dua kematian direkodkan.

"Kumulatif kes demam denggi dilaporkan sehingga kini adalah 11,127 kes berbanding 3,573 kes

MENCEGAH DEMAM DENGGI

PASTIKAN TIADA TEMPAT PEMBIAKAN NYAMUK

LINDUNGI DIRI



Buang bekas yang boleh menampung air



Pastikan tangki air, bekas tadahan hujan ditutup



Pastikan pasu-pasu bunga & bekas tadahan dibuang airnya sekurang-kurangnya seminggu sekali



Pastikan saliran atap sentiasa mengalir

Pastikan tingkap & pintu sentiasa ditutup

Sapu ubat penghalau nyamuk pada anggota terdedah kepada gigitan nyamuk

Pakai baju berwarna cerah, berlejang panjang & seluar panjang sewaktu keluar rumah

Pasang ubat lingkaran nyamuk/ubat nyamuk elektrik di kawasan tertutup

GEJALA

- Demam panas
- Sakit kepala
- Sakit tulang belakang
- Sakit sendi-sendi
- Loya & muntah-muntah
- Sakit biji mata
- Ruam

GUNAKAN SEMBURAN SERANGGA UNTUK MEMBUNUH NYAMUK

DEMAM DENGGI BERDARAH BOLEH MEMBAWA MAUT

Sumber: denggi.myhealth.gov.my

Diterbitkan: 29/4/2020

Infografik Bernama

bagi tempoh sama tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 7,554 kes. Enam kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding sifar

kematian bagi tempoh sama pada 2022," katanya.

Survelan chikungunya pula merekodkan sebanyak 20 kes pada ME5 dengan 10 kes dari

Kedah, lima kes dari Kuala Lumpur dan Putrajaya, masing-masing dua dari Pulau Pinang dan Pahang dan satu kes dari Selangor, kata Dr Noor Hisham. - Bernama

Tiada maklumat varian virus baharu

PUTRAJAYA - Syarikat yang diberi kelulusan pendaftaran bersyarat bagi produk rawatan Covid-19 Lagevrio perlu mengemukakan data keselamatan terkini dari masa ke masa secara *rolling submission* kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), kata Pengarahnya, Rosilawati Ahmad.

Menurutnya, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada April tahun lalu (2022) telah memberikan kelulusan pendaftaran bersyarat untuk kegunaan semasa bencana bagi produk rawatan Covid-19 Lagevrio (bahan aktif Molnupiravir) daripada syarikat pemegang pendaftaran Merck Sharp & Dohme (Malaysia) Sdn Bhd dan pengilang Patheon Inc (Kanada), Patheon Pharmaceuticals Inc (Amerika Syarikat) serta MSD International GmbH (Cawangan Puerto Rico) LLC (Puerto Rico).

Produk itu digunakan untuk merawat pesakit dewasa Covid-19 kategori ringan hingga sederhana yang disebabkan SARS-CoV-2. Produk Lagevrio bertindak ke atas virus Covid-19 dengan memperkenalkan ralat dalam genom virus Covid-19 dan menghalang replikasi virus.

Rosilawati dalam kenyataan pada Rabu berkata, semakan ke atas data kualiti dan keselamatan produk Lagevrio yang dikemukakan oleh pihak syarikat semasa pendaftaran produk mendapati tiada maklumat berkenaan kemunculan varian virus baharu yang memudaratkan.

Beliau mengulas mengenai artikel yang diterbitkan *Bloomberg* dan *Science* yang mendakwa produk bagi rawatan Covid-19 Lagevrio berkemungkinan menyebabkan penghasilan virus mutasi baharu dalam kalangan pesakit, mudah merebak serta mendatangkan risiko ke-

sihatan serius dan berpanjangan.

Dakwa tersebut telah disangkal pengeluar produk, Merck Sharp & Dohme dengan menyatakan tiada bukti menunjukkan produk Lagevrio menyebabkan kemunculan varian baharu.

Rosilawati berkata, semua produk ubat-ubatan berdaftar di Malaysia telah melalui proses penilaian yang ketat dari segi keberkesanan, keselamatan dan kualiti sebelum diluluskan PBKD.

"Hanya produk yang berkesan, selamat dan berkualiti berdasarkan bukti serta penyelidikan klinikal yang jelas akan diluluskan PBKD," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui NPRA sentiasa memastikan semua produk farmaseutikal yang dibekalkan di Malaysia dinilai dari aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : SUARA

Sektor kesihatan Malaysia di 'zon merah'

BEKERJA lebih masa seperti diluahkan seorang doktor menerusi ciapan di Twitter umpama sudah menjadi *open secret* dalam kalangan rakyat Malaysia.

Isu keletihan, malah sektor kesihatan negara yang tenat bukanlah hal yang baru diperkatakan.

"Kami bertugas minimum 14 jam sehari dengan bayaran gaji minimum, malah kami tidak sempat untuk makan, solat pun 'lari-lari'. Kadangkala terlepas waktu solat.

"Jangan sesekali marah doktor dan jururawat atau mana-mana petugas kesihatan. Kami sangat penat. Kalau nak marah, lepaskan kemarahan anda kepada KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia)," demikian ciap doktor berkenaan menggunakan akaun @FarraDiana

Malah dalam hantaran sama, doktor berkenaan turut menyarankan agar lebih ramai tenaga kerja diambil bagi menyelesaikan masalah yang berlarutan sejak sekian lama.

Isu keletihan dan kelesuan dalam kalangan petugas kesihatan kembali menarik perhatian umum apabila insiden 'mengamuk' di sebuah hospital kerajaan di Serdang dilaporkan media, baru-baru ini.

KKM dalam respons segera membuat permohonan maaf secara terbuka susulan insiden tersebut – antara lain mengakui berlaku salah faham dan jumlah kehadiran pesakit yang ramai menyebabkan waktu menunggu agak panjang.

Selain memberi kesan mental kepada petugas barisan hadapan, bagi rakyat kebanyakan, mereka juga mahukan perkhidmatan efisien apabila mendapatkan rawatan di hospital kerajaan terutama ruang menunggu yang agak panjang.

Sebelum itu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, KKM dalam proses merangka langkah bagi menyelesaikan isu berbangkit dalam sistem kesihatan negara, ke arah reformasi sistem melalui pendekatan secara bersasar.

Dalam pada itu, berdasarkan hasil tinjauan diterbitkan laman web berita kesihatan, CodeBlue baru-baru ini, 95 peratus daripada 1,652 kakitangan kesihatan melibatkan jururawat dan doktor kerajaan menyatakan sistem kesihatan awam negara kini berdepan krisis, dengan 73 peratus daripada mereka sedang mempertimbangkan untuk meletak jawatan.

Daripada dapatan itu, sebanyak 53 peratus responden yang sebahagiannya golongan profesional bersetuju dengan status 'sangat marah' terhadap situasi semasa sistem kesihatan awam.

Justeru, masalah berkaitan sistem kesihatan negara perlu diberikan perhatian sewajarnya dan ditangani dengan segera. Janganlah setelah keadaan menjadi tidak terkawal barulah mahu bertindak.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 1
 RUANGAN : MUKA HADAPAN

Kos, pembelian vaksin Covid-19 dibuat tanpa kelulusan Jabatan Peguam Negara

Tender vaksin meragukan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
 maisarahrahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri mendedahkan terdapat keraguan dalam perolehan vaksin Covid-19 dan kos berkaitan tempoh pandemik bagi tujuan Program Imunisasi Covid-19

Kebangsaan (PICK).

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, menteri-menteri yang terlibat dipercayai menandatangani pembelian vaksin itu ketika tempoh pandemik bagi tujuan PICK tanpa persetujuan Jabatan Peguam Negara.

Semua perbelanjaan bagi program pemberian vaksin ke-

pada rakyat melalui PICK adalah berjumlah RM5.8 bilion.

“Kita mendapati (pembelian dan kos vaksin) tidak mengikut peraturan, transaksi yang diluluskan tidak mematuhi proses sebenar.

“Sebahagian perolehan vaksin menimbulkan persoalan berhubung angka dan kos, dan

perkara ini perlu dibentangkan di Parlimen.

“Jadi, menteri-menteri yang terlibat perlu menjawab atau memberi penjelasan,” katanya dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra, di sini.

Bersambung di muka 2

Nisbah doktor, pesakit bakal cecah 1:1,000

Oleh ARIF AIMAN ASROL
 aman.asrol@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Sistem kesihatan awam semakin kritikal sehingga negara terpaksa menyaksikan seorang doktor perlu merawat 1,000 pesakit sedangkan nisbah doktor dan pesakit oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tahun 2021 adalah 1:420 di sektor awam serta swasta.

Ketidakseimbangan itu mungkin lebih teruk susulan pendanaan oleh portal berita kesihatan, *Code Blue* bahawa 70 peratus petugas Kementerian Terbit mahu berhenti kerana tidak puas hati dengan sistem penjagaan kesihatan negara.

Pada masa ini, kira-kira 80 peratus daripada kira-kira 33.4 juta rakyat Malaysia terutama golongan B40 yang kini jumlahnya mencecah 8.7 juta orang menggunakan perkhidmatan kesihatan awam sebagai saluran utama mendapatkan rawatan.

Menurut laporan Fakta Kesihatan 2022 oleh KKM, jumlah keseluruhan doktor di Malaysia pada 2021 yang berkhidmat dalam sektor awam adalah 40,083, sektor swasta dan bukan di bawah KKM adalah 21,733. Jumlah doktor baharu pula adalah 5,641 manakala doktor kontrak 9,578.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. Murgu Raj Rajathurai berkata, ada pelbagai isu yang mendorong petugas kesihatan awam berasa ‘kecewa’ iaitu antaranya adalah beban kerja tinggi dan tiada hala tuju jelas dalam kerjaya.

Bersambung di muka 3



Tragis

SEORANG bapa, Mesut Hancer hanya mampu memegang tangan anak perempuannya, Irmak, 15, yang sudah tidak bernyawa akibat dihempap runtuhan gempa bumi di Kahramanmaraş, Turkiye, Isnin lalu. Malaysia turut menghantar dua kumpulan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) bagi membantu misi bantuan kemanusiaan di tenggara Turkiye dan Syria yang terjejas teruk akibat gempa bumi pada 7.8 magnitud itu. - AFP (Lagi berita dan gambar di muka 8-10, 38 & 39)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Tender vaksin meragukan

Dari muka 1

Pada Julai tahun lalu, bekas Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin memberitahu Parlimen bahawa semua dokumen perjanjian vaksin dan butiran perbelanjaan termasuk harga vaksin bagi PICK bernilai RM5.8 bilion telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Khairy yang juga Menteri Penyelaras PICK ketika itu memaklumkan sebanyak RM5.8 bilion merangkumi RM4.8 bilion disalur kepada Kementerian Kesihatan dan RM1 bilion disalur kepada MOSTI.

Jelas Khairy ketika itu, selain PAC, bagi memastikan ketelusan perbelanjaan pengurusan PICK, Timbalan Ketua Setiausaha MOSTI telah memberi keterangan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan Sains dan Inovasi.

Namun cubaan *Utusan Malaysia* untuk mendapatkan reaksi Khairy berhubung kenyataan terbaharu Perdana Menteri ini tidak berjaya.

Menurut Anwar, Kementerian Kesihatan akan membentangkan kertas putih mengenai perolehan vaksin Covid-19 dan kos berkaitan yang dikesan tidak mengikuti peraturan pada sidang Parlimen yang akan berlangsung bermula 13 Februari ini.

Beliau berkata, Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa akan memberikan perin-



ANWAR Ibrahim bercakap dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra di Putrajaya, semalam.

cia secara lanjut berhubung perkara itu.

Sementara itu, Anwar mengarahkan jabatan penguat kuasa untuk bertindak tanpa mengira kedudukan dan fahaman politik, sebaliknya mengambil tindakan berdasarkan fakta atas sebarang pelanggaran hukum yang dikesan berlaku.

Tegas beliau, segala tindakan dalam menangani rasuah dan salah guna kuasa bukan bersifat dendam politik, namun ia adalah satu tekad untuk tidak lagi bertolak ansur dalam melaksanakan perubahan dan memperbaiki kepincangan sistem sedia ada.

Dalam pada itu, Anwar

berkata, kerajaan akan menyerahkan kepada Parlimen untuk membuat keputusan mengenai tindakan yang perlu diambil membabitkan isu status Pulau Batu Puteh.

Menurutnya, ketika ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said sedang menyediakan Kertas Putih mengenainya.

Menyifatkan ia sebagai isu yang tidak berkesudahan, Anwar berkata, sebelum ini laporan pasukan khas membantah keputusan pentadbiran sebelum ini untuk merayu keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : DALAM NEGERI

Nisbah doktor, pesakit bakal cecah 1:1,000

Dari muka 1

"Isu lain termasuk terlalu banyak kerana birokrasi, gaji tidak setimpal berbanding sektor swasta dan pelbagai," katanya.

Malah, beliau turut mendedahkan dalam sesetengah fasiliti kesihatan terdapat doktor yang berasa tidak gembira dalam menjalankan tugas mereka disebabkan suasana dan budaya kerja.

"Sistem kesihatan awam mungkin berdepan dengan krisis sekiranya fasiliti dan tenaga kerja dalam sistem tersebut tidak menepati permintaan. Untuk menangani perkara ini, kerajaan perlu lihat pada penglibatan pihak swasta dengan sistem kewangan kesihatan yang baik seperti insurans.

"Kami juga sudah mencadangkan kepada kerajaan untuk *outsource* servis kesihatan tertentu seperti pengurusan penyakit tidak berjangkit (NCD) kepada lebih 8,000 pengamal perubatan swasta (GP) mel-



